

# Dr. M di Fiji mulai lawatan perkenalan

SUVA, Fiji, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini dalam rangka pertama lawatan selama seminggu ke tiga buah negara kepulauan Pasifik Selatan.

Inilah lawatan pertama scumpamanya oleh seorang Perdana Menteri Malaysia ke rantau itu. Ketiga-tiga negara itu adalah anggota Komanwel.

Fiji merupakan negara pertama dilawati dalam kunjungan itu. Datuk Seri Dr. Mahathir akan berada di pulau terbesar Viti Levu sehingga Isnin ini dan kemudian akan bertolak ke Tonga dan diikuti kemudian dengan lawatan ke Samoa Barat sebelum berlepas pulang pada 10 Jun.

Perdana Menteri disertai oleh isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah. Turut menyertai rombongan itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan isterinya, Datin Endon.

Ketibaan Datuk Seri Dr. Mahathir di Lapangan Terbang Nausori, kira-kira 24 km dari sini disambut oleh Perdana Menteri Fiji, Ratu Sir Kamisese Mara dan Adi Lady Lala Mara.

Perdana Menteri dan rombongannya termasuk Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Tan Sri Ishak Pateh Akhir, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Datuk Saffian Majid, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Encik Mustapha Datuk Mahmud dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Per-

industrian, Encik Nordin Hassan Tiba mengikut jadual pada pukul 5 petang waktu tempatan (pukul 11 tengah hari waktu Malaysia) dengan kapal terbang Air Pacific.

Turut mengiringi beliau dalam pesawat kepunyaan ketiga-tiga negara kepulauan Pasifik itu ialah Timbalan Perdana Menteri Fiji, Ratu Sir Penaia Ganilau dan isterinya, Adi Lady Davila Ganilau.

Rombongan Malaysia itu sebelum itu telah menukar pesawat dari kapal terbang MAS 737-200 di Lapangan Terbang Nadi di pantai barat Pulau Viti Levu selepas penerbangan

selama 10 jam.

Pesawat MAS itu yang baru sahaja diperolehi minggu lalu tidak boleh mendarat di Suva kerana mempunyai berat muatan yang lebih.

Selepas bersalam-salaman dan beramah mesra dengan Ratu Sir Mara, Datuk Seri Dr. Mahathir menerima tabik hormat dari satu perbarisan penghormatan oleh para anggota pasukan Tentera Fiji dengan diiringi oleh lagu Nogaraku.

Beliau kemudian memeriksa perbarisan itu sebelum diperkenalkan kepada anggota-anggota kabinet Fiji. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2806 .....  
No. Penerimaan ..... 551/85 .....